

ONE PLAN-i

(This is a Takaful product)

Be assured with the ONE plan



**Basic Sum Covered
starting from
RM250,000**

**Choose term of
coverage from 20 to
35 years**

**Increase your Basic
Sum Covered at
10% every 5 years**



Takaful Concept

Takaful refers to a cooperation among a group of individuals to mutually guarantee and aid each other in order to meet certain needs as agreed amongst them, such as, providing compensation for a particular loss or any other kind of financial needs. Such cooperation involves contribution of money based on Tabarru' concept (voluntary contribution) by all takaful participants.

Be assured with that ONE plan

When times are good, you rejoice. When times are bad? The first thing you need to do is to develop an action plan. Sorting your finances isn't just about investing, it also means taking control of your financial commitments like your housing and car financing, overdraft facility or even your credit card and household bills. You should take charge of your future.

Look at your family, and think, what should you do to ensure that life will always be good for those you love? What could withstand the test of time? Take charge of what you have, plan ahead, and do what's best for your long-term goals.

With a Basic Sum Covered (BSC) starting at RM250,000 that grows at a simple rate of 10% every 5 years (maximum of 3 times increment), you know that your family will be well looked after. Choose that one plan that will allow you to safeguard your family's future.

There is only one plan.

One Plan-i.

Benefits at a glance

- BSC starting at RM250,000
- Increase in BSC at a simple rate of 10% every 5 years (maximum of 3 times increment)
- Choose term of coverage of 20, 25, 30 or 35 years
- Maturity Benefit
- Total and Permanent Disability (TPD) Benefit
- Death Benefit

Note: Terms and conditions apply.

Your ONE PLAN

Sum Covered	Rest assured that you have ample coverage at a minimum of RM250,000 BSC ¹ .
Additional Sum Covered	Increase your BSC at a simple rate of 10% every 5 years to 15 years of certificate (up to 3 times of increase.)
Coverage Term	Choose your preferred term of coverage from 20, 25, 30 or 35 years, subject to maximum coverage age of 85 years next birthday.
Maturity Benefit	Upon survival at the maturity date, any amount left in Participant's Individual Account (PIA) ² will be payable.
Total and Permanent Disability (TPD) Benefit	Upon TPD of the Person Covered, the following will be payable in one lump sum: a. BSC ¹ ; plus b. Amount left in PIA.
Death Benefit	Upon death of the Person Covered, the following will be payable in one lump sum: a. BSC ¹ ; plus b. Amount in PIA.

Note: Terms and conditions apply.

- ¹ *Basic Sum Covered (includes Additional Sum Covered, if any) will be payable from the Tabarru' Fund. Tabarru' Fund refers to a pool of funds established for the purpose of solidarity and cooperation among the participants that is used to help all participants in the event of misfortunes.*
- ² *Participant's Individual Account (PIA) refers to the individual account into which the contribution and underwriting surplus (if any) and /or investment profit (if any) arising shall be allocated.*

Rewards You with Underwriting Surplus and Investment Profit

With **One Plan-i**, any underwriting surplus from the Tabarru' Fund will be shared among the participants and the Takaful Operator in the ratio of 50:50. Your share of the surplus will be credited into your PIA.

All of the investment profit or loss (if any) from the PIA will be credited into or debited from your PIA. Any investment profit deriving from the Tabarru' Fund will be credited into the PIA and any loss will be carried forward and accounted for before arriving at the underwriting surplus or deficit in the following year.

Note: The underwriting surplus (if any) and investment profits (if any) are determined yearly.

Enjoy Tax Relief

You will be eligible for personal tax relief when you participate in **One Plan-i**. For individuals outside the pensionable public servant category, maximum tax relief for Family Takaful is RM3,000 while individuals in the pensionable public servant category are entitled to a maximum of RM7,000 tax relief.

Note: Tax benefits are subject to the Malaysia Income Tax Act 1967, and final decision of the Inland Revenue Board.

Frequently Asked Questions

Q: What is the minimum and maximum age at entry?

A: The minimum age at entry is 19 years next birthday and the maximum age at entry is 65 years next birthday.

Q: How do I make my contribution?

A: You may arrange to make your contribution by GIRO/Autodebit, Direct Debit Authorisation (DDA), Banker's Order and credit card on an annually, half-yearly, quarterly or monthly basis. Cheque and cash are allowed for annual basis only.

Note: Terms and conditions apply.

Q: What are the fees and charges?

A: i. Upfront Charge

Upfront Charge is deducted upfront from the PIA (as a percentage of Contribution), which consist of:

- the direct distribution cost including bank's commission, and
- the management expenses including stamp duty of RM10.

Contribution Year	Upfront Charge (%)
1	60
2	55
3	50
4	45
5	40
6	35
7	15
8	15
9	15
10	15
≥ 11	10

ii. Tabarru':

Tabarru' varies by attained age next birthday, gender and smoker status of the Person Covered. The Tabarru' will be deducted monthly at the beginning of each certificate month.

Note: The above fees and charges are subject to revision by us providing you at least 3 months' written notice.

Q: What are the exclusions under the certificate?

A: Exclusion for the Death Benefit

You will not receive any benefit if death is due to suicide, while sane or insane, within the first year of Takaful coverage.

Exclusions for the TPD Benefit

You will not receive any benefit if TPD:

- (a) has existed prior to or on the Effective Date or on the date of any reinstatement, whichever is later; or
- (b) is caused directly or indirectly by self-inflicted injuries, while sane or insane; or
- (c) is caused by bodily injury sustained as a result of parachuting or skydiving, or engaging in aerial flights other than as a crew member or as a fare-paying passenger of a licensed commercial airline operating on a regular scheduled route; or
- (d) resulted from the Person Covered committing, attempting or provoking an assault or a felony or from any violation of law by the Person Covered; or
- (e) is resulted from war, whether declared or undeclared.

Note: The exclusion list is not exhaustive. For full list of exclusions, please refer to the certificate contract.

Q: What is the minimum and the maximum contribution?

A: The contribution will vary according to the sum covered, coverage term, age next birthday, gender and smoker status.

Important Notices

1. **One Plan-i** is a regular contribution term Takaful plan that provides coverage upon death or TPD of the Person Covered.
2. Contributions are payable until the end of coverage term or upon death or TPD, whichever occurs first. The contribution must be paid regularly to ensure your PIA is sufficient to cover for your protection at all times.
3. You should be convinced that this plan will best serve your needs and that the contributions payable under the certificate are affordable by you.
4. A “free-look period” of 15 days from the date you receive the Certificate is given for you to review the suitability of the plan. If the certificate is returned to the Takaful Operator during this period, the Takaful Operator shall refund an amount equal to the amount of contributions paid, minus the medical expenses incurred for medical examination (if any).
5. You may receive the remaining amount in PIA upon termination or maturity of this plan, which may be less than the total allocated contribution into the PIA. No benefits will be payable from the Tabarru' Fund.
6. The amount of PIA will be based on actual performance of the fund and is not guaranteed. The investment risk under this plan will be borne by You and the benefits may be less than the total contributions contributed to the fund.
7. If you surrender your certificate in the early years, you may get back less than the amount you have paid.
8. If you switch your certificate from one Takaful Operator to another or if you replace your current certificate with another certificate within the same Takaful Operator, you may be required to submit an application where the acceptance of your proposal will be subject to the terms and conditions to be imposed at the time of switching or replacement.

Disclaimer

One Plan-i is a regular contribution term Takaful plan by Great Eastern Takaful Berhad (201001032332/916257-H) and OCBC Al-Amin Bank Berhad (200801017151/818444-T) is merely the distributor of this product. This family takaful product is not a bank deposit and is not an obligation of or guaranteed or covered by OCBC Al-Amin. The family takaful product is the obligation of the Takaful Operator, Great Eastern Takaful. All enquiries related to claims and liabilities arising from the certificates should be made to Great Eastern Takaful. OCBC Al-Amin disclaims liability for any loss or damage howsoever arising in connection with this family takaful product.

The terms “Great Eastern Takaful” and “the Takaful Operator” shall refer to Great Eastern Takaful Berhad.

The term “OCBC Al-Amin” shall refer to OCBC Al-Amin Bank Berhad.

If there is any discrepancy between the English and Bahasa Malaysia versions of this brochure, the English version shall prevail.

The brochure provides general information only and it is not a contract of family takaful. You are advised to refer to the Benefit Illustration, Product Disclosure Sheet, and sample certificate for detailed features and benefits of the plan before participating in the plan.

One Plan-i is a Shariah-compliant product.

Konsep Takaful

Takaful merupakan permuafakatan sekumpulan individu untuk saling menjamin dan membantu antara satu sama lain bagi memenuhi keperluan tertentu yang dipersetujui dari kalangan mereka seperti pampasan bagi sesuatu musibah yang menimpa serta keperluan kewangan lain. Permuafakatan ini melibatkan sumbangan wang caruman berasaskan konsep Tabarru' (pemberian secara sukarela) oleh kesemua peserta takaful.

Yakinlah dengan SATU pelan yang unggul

Di kala ekonomi stabil, anda hidup selesa. Bagaimana pula ketika ekonomi merudum? Perkara pertama yang anda perlu lakukan adalah menyediakan satu pelan tindakan. Mengatur pelan kewangan anda bukan hanya melalui pelaburan, ia juga bermaksud anda harus menguruskan komitmen kewangan anda seperti pembiayaan perumahan dan kereta, kemudahan overdraf atau kad kredit dan bil-bil keperluan rumah. Anda harus memelihara masa hadapan anda.

Fikir sejenak, apakah yang anda perlu lakukan untuk memastikan kehidupan keluarga yang anda sayangi akan sentiasa terjamin? Apakah yang boleh bertahan lama? Peliharalah kepunyaan anda sekarang, rancang masa depan dan lakukan yang terbaik untuk matlamat jangka panjang anda.

Dengan Jumlah Perlindungan Asas yang bermula dari RM250,000 dan penambahan pada kadar biasa sebanyak 10% setiap 5 tahun (penambahan maksimum sebanyak 3 kali), yakinlah bahawa keluarga anda akan dijaga sebaiknya. Pilihlah pelan yang akan menjamin kesejahteraan masa hadapan keluarga anda.

Hanya dengan satu pelan.

One Plan-i.

Manfaat sepintas lalu

- Jumlah Perlindungan Asas bermula dari RM250,000
- Penambahan Jumlah Perlindungan Asas pada kadar biasa sebanyak 10% setiap 5 tahun (penambahan maksimum sebanyak 3 kali)
- Pilih tempoh perlindungan selama 20, 25, 30 atau 35 tahun
- Manfaat Matang
- Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)
- Manfaat Kematian

Nota: Tertakluk kepada terma dan syarat.

PELAN UNGGUL Anda

Jumlah Perlindungan	Yakinlah bahawa anda mempunyai perlindungan yang mencukupi pada Jumlah Perlindungan Asas ¹ minimum sejumlah RM250,000.
Penambahan Jumlah Perlindungan	Tingkatkan Jumlah Perlindungan Asas anda pada kadar biasa sebanyak 10% setiap 5 tahun sehingga 15 tahun terma sijil (sebanyak 3 kali penambahan).
Tempoh Perlindungan	Pilih tempoh perlindungan yang anda inginkan bermula dari 20, 25, 30 atau 35 tahun, tertakluk kepada maksimum umur 85 tahun pada hari lahir berikutnya.
Manfaat Matang	Apabila sijil matang, anda akan menerima sebarang jumlah yang ada dalam dalam Akaun Individu Peserta (PIA) ² .
Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)	Jika Orang yang Dilindungi mengalami HUPK, manfaat berikut akan dibayar sekaligus: a. Jumlah Perlindungan Asas ¹ ; serta b. Amaun di dalam PIA.
Manfaat Kematian	Jika Orang yang Dilindungi meninggal dunia, manfaat berikut akan dibayar sekaligus: a. Jumlah Perlindungan Asas ¹ ; serta b. Amaun di dalam PIA.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

- ¹ Jumlah Perlindungan Asas (serta Penambahan Jumlah Perlindungan, jika ada) akan dibayar daripada Dana Tabarru'. Dana Tabarru' merujuk kepada kumpulan dana yang diwujudkan bagi tujuan perpaduan dan kerjasama antara peserta yang digunakan untuk membantu semua peserta seandainya berlaku perkara yang tidak diingini.
- ² Akaun Individu Peserta (PIA) merujuk kepada akaun individu yang mana caruman dan lebihan pengunderaitan (jika ada) dan/atau keuntungan pelaburan (jika ada) yang terhasil akan diperuntukkan.

Dapatkan Ganjaran dengan Lebih Pengunderaitan dan Keuntungan Pelaburan

Dengan **One Plan-i**, sebarang lebih pengunderaitan daripada Dana Tabarru' akan dikongsi antara semua peserta dan Pengendali Takaful dengan nisbah 50:50. Bahagian anda daripada lebih tersebut akan dikreditkan semula ke dalam PIA.

100% daripada keuntungan pelaburan atau kerugian pelaburan (jika ada) daripada PIA akan dikreditkan ke dalam atau didebitkan daripada PIA. Sebarang keuntungan pelaburan daripada Dana Tabarru' akan dikreditkan ke dalam PIA dan sebarang kerugian akan di bawa ke hadapan dan akan diambilkira sebelum dimasukkan dalam pengiraan lebih pengunderaitan atau defisit pada tahun seterusnya.

Nota: Lebih pengunderaitan dan keuntungan pelaburan akan dikira secara tahunan.

Nikmati Pelepasan Cukai

Anda layak menerima pelepasan cukai perseorangan apabila anda menyertai Pelan **One Plan-i**. Bagi individu selain daripada kategori penjawat awam berpencen, pelepasan cukai untuk Takaful Keluarga adalah terhad kepada RM3,000 manakala individu dalam kategori penjawat awam berpencen layak mendapat pelepasan cukai terhad sebanyak RM7,000.

Nota: Pelepasan Cukai tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan Malaysia 1967, dan keputusan muktamad Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Soalan Lazim

S: Berapakah umur kemasukan minimum dan maksimum?

J: Umur kemasukan minimum ialah 19 tahun pada hari lahir berikutnya dan maksimum ialah 65 tahun pada hari lahir berikutnya.

S: Bagaimanakah saya boleh membuat caruman?

J: Anda boleh membuat caruman melalui GIRO/Autodebit, Kebenaran Debit Terus (DDA) dan kad kredit secara tahunan, separuh tahunan, suku tahunan atau bulanan. Cek dan wang tunai dibenarkan bagi caruman tahunan sahaja.

Nota: Tertakluk pada terma dan syarat.

S: Apakah yuran dan caj yang dikenakan?

J: **i. Caj Pendahuluan**

Caj Pendahuluan ditolak terlebih dahulu dari PIA (sebagai sebahagian daripada Caruman) yang merangkumi:

- kos pengagihan terus Pengendali Takaful termasuk komisen yang dibayar kepada bank
- dan perbelanjaan pentadbiran yang merangkumi setem duti sebanyak RM10.

Tahun Caruman	Caj Pendahuluan (%)
1	60
2	55
3	50
4	45
5	40
6	35
7	15
8	15
9	15
10	15
≥ 11	10

ii. Tabarru':

Tabarru' bergantung kepada umur hari lahir berikutnya, jantina dan status merokok Orang yang Dilindungi. Kadar Tabarru' akan ditolak secara bulanan daripada PIA.

Nota: Caj-caj di atas tertakluk kepada semakan semula dari semasa ke semasa dengan memberi notis bertulis sekurang-kurangnya 3 bulan kepada anda.

S: Apakah pengecualian-pengecualian bagi sijil ini?

J: Pengecualian untuk Manfaat Kematian:

Anda tidak akan menerima sebarang manfaat sekiranya kematian disebabkan bunuh diri, ketika waras atau tidak waras, dalam tahun pertama Perlindungan Takaful.

Pengecualian bagi Manfaat Hilang Upaya Penuh dan Kekal (HUPK)

Anda tidak akan menerima sebarang manfaat sekiranya HUPK:

- (a) sedia wujud sebelum atau pada Tarikh Berkuatkuasa atau pada tarikh sebarang penguatkuasaan semula, mana-mana yang kemudian; atau
- (b) disebabkan kecederaan badan yang dilakukan sendiri secara langsung atau tidak langsung, ketika waras atau tidak waras; atau
- (c) disebabkan kecederaan badan yang dialami akibat payung terjun atau terjun udara atau daripada penglibatan dalam pesawat udara selain daripada anak kapal atau sebagai penumpang yang membayar tambang dalam syarikat penerbangan komersial berlesen yang beroperasi pada laluan berjadual yang biasa; atau
- (d) akibat Orang yang Dilindungi melakukan, mencuba atau membangkitkan keganasan atau feloni atau sebarang pelanggaran undang-undang oleh Orang yang Dilindungi; atau
- (e) akibat peperangan, sama ada diisytiharkan atau tidak.

Nota: Senarai pengecualian adalah tidak menyeluruh. Untuk senarai penuh pengecualian, sila rujuk sijil yang dikeluarkan oleh Pengendali Takaful.

S: Berapakah caruman minimum dan maksimum?

J: Jumlah caruman bergantung kepada jumlah perlindungan, terma perlindungan, umur hari lahir berikutnya, jantina dan status merokok.

Notis Penting

1. **One Plan-i** adalah pelan Takaful Keluarga dengan caruman berkala yang memberi perlindungan ke atas kematian atau HUPK Orang yang Dilindungi.
2. Caruman dibayar sehingga tamat perlindungan atau sehingga kematian atau HUPK, yang mana terdahulu. Caruman hendaklah dibayar secara berkala bagi memastikan PIA anda adalah cukup untuk menampung perlindungan anda pada setiap masa.
3. Anda seharusnya berpuas hati bahawa pelan ini akan memenuhi keperluan anda dengan sebaiknya dan caruman yang dibayar di bawah sijil ini adalah jumlah yang anda mampu bayar.
4. 'Tempoh rujukan percuma' selama 15 hari dari tarikh anda menerima Sijil diberi kepada anda untuk meneliti kesesuaian pelan. Jika sijil ini dikembalikan kepada Pengendali Takaful dalam tempoh ini, Pengendali Takaful akan mengembalikan suatu jumlah yang bersamaan dengan jumlah caruman yang dibayar, tolak perbelanjaan yang telah ditanggung bagi pemeriksaan perubahan (jika ada).
5. Anda boleh menerima baki jumlah dalam PIA apabila pelan ditamatkan atau telah matang, yang mungkin akan kurang daripada jumlah caruman yang diperuntukkan ke dalam PIA. Tiada manfaat akan dibayar dari Dana Tabarru'.
6. Jumlah di dalam PIA adalah berdasarkan prestasi sebenar dana dan tidak dijamin. Risiko pelaburan di bawah pelan ini akan ditanggung oleh anda dan manfaat yang diterima mungkin kurang daripada jumlah caruman yang dicarum ke dalam dana.
7. Jika anda membuat penyerahan sijil awal, anda mungkin mendapat kurang daripada amaun yang telah anda bayar.
8. Jika anda beralih sijil anda daripada satu Pengendali Takaful kepada yang lain atau anda mengganti sijil semasa anda dengan sijil lain dalam Pengendali Takaful yang sama, anda mungkin perlu menghantar permohonan di mana penerimaan cadangan anda adalah tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan pada masa penukaran atau penggantian.

Penafian

One Plan-i adalah pelan Takaful Keluarga bertempoh dengan caruman berkala oleh Great Eastern Takaful Berhad (201001032332/916257-H) dan OCBC Al-Amin Bank Berhad (200801017151/818444-T) hanyalah pengedar produk ini. Produk takaful keluarga ini bukan suatu deposit bank atau kewajipan atau dijamin atau dilindungi oleh OCBC Al-Amin. Produk takaful keluarga ini merupakan kewajipan Pengendali Takaful, Great Eastern Takaful. Semua pertanyaan berkenaan tuntutan dan liabiliti yang timbul daripada sijil ini hendaklah dibuat kepada Great Eastern Takaful Berhad. OCBC Al-Amin menafikan liabiliti yang timbul atas apa jua yang berkaitan dengan produk takaful keluarga ini.

Istilah “Great Eastern Takaful” dan “Pengendali Takaful” merujuk kepada Great Eastern Takaful Berhad.

Istilah “OCBC Al-Amin” merujuk kepada OCBC Al-Amin Bank Berhad.

Jika terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia untuk risalah ini, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

Risalah ini adalah untuk maklumat am sahaja dan bukanlah satu kontrak takaful keluarga. Anda dinasihatkan untuk merujuk Ilustrasi Manfaat, Risalah Pemberitahuan Produk dan contoh sijil bagi mendapatkan maklumat terperinci berkenaan ciri penting dan manfaat pelan sebelum menyertai pelan ini.

One Plan-i merupakan produk yang patuh Syariah.

Mukasurat ini sengaja dikosongkan.

Mukasurat ini sengaja dikosongkan.

This plan is underwritten by/*Pelan ini ditajajamin oleh:*

Great Eastern Takaful Berhad 201001032332 (916257-H)

Level 3, Menara Great Eastern
303 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.

Customer service: 1 300 13 8338

Email: i-greatcare@greateastertakaful.com

About Great Eastern Takaful

Great Eastern Takaful Berhad is a Takaful Operator providing coverage for Family Takaful and medical & health takaful plans. The Takaful Operator was established in December 2010 and is registered under the Islamic Financial Services Act 2013 and regulated by Bank Negara Malaysia. It is backed by 2 major institutions in Malaysia, Great Eastern Group, which is the largest and oldest insurance group in Malaysia with over 100 years of experience, and Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, one of the largest co-operative societies in Malaysia with more than 140,000 members.

Mengenai Great Eastern Takaful

Great Eastern Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang menyediakan perlindungan bagi pelan Takaful Keluarga dan pelan perubatan & kesihatan. Pengendali Takaful ini telah ditubuhkan pada Disember 2010 dan didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia. Ianya disokong oleh 2 institusi utama di Malaysia, Kumpulan Great Eastern, yang merupakan kumpulan insurans terbesar dan tertua di Malaysia dengan pengalaman melebihi 100 tahun, dan Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad, salah satu syarikat koperasi yang terbesar di Malaysia dan mempunyai lebih daripada 140,000 ahli.



MEMBER



Great Eastern Takaful Berhad is a member of Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). As a member of PIDM, some of the benefits covered under the takaful certificates offered by Great Eastern Takaful Berhad are protected against loss of part or all of takaful benefits by PIDM, in the unlikely event of the failure of the Takaful Operator. For further details of the protection limits and the scope of coverage, please obtain a PIDM information brochure from Great Eastern Takaful Berhad or visit PIDM website (www.pidm.gov.my) or call PIDM toll free line (1-800-88-1266).

AHLI



Great Eastern Takaful Berhad ialah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sebahagian daripada manfaat yang dilindungi di bawah sijil takaful yang ditawarkan oleh Great Eastern Takaful Berhad dilindungi daripada kehilangan sebahagian atau kesemua manfaat takaful oleh PIDM, sekiranya berlaku kegagalan Pengendali Takaful. Untuk maklumat lanjut mengenai had dan skop perlindungan ini, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada Great Eastern Takaful Berhad atau layari laman web PIDM (www.pidm.gov.my) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).